

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B.DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]**

TARIKH : 03.11.2016

SOALAN :

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi memastikan pada tahun 2018, bahawa 90% guru-guru di Sarawak adalah orang tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi keutamaan penempatan guru baharu ditempatkan ke Sarawak dalam kalangan guru kelahiran atau anak jati Negeri Sarawak dalam proses penempatan bagi memastikan sasaran 90 peratus guru yang berkhidmat di negeri Sarawak terdiri dalam kalangan anak tempatan dapat dicapai mulai tahun 2016 hingga tahun 2018.

Pelan tindakan bagi mencapai sasaran tersebut adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan penempatan guru baharu mengikut negeri kelahiran Sarawak;
2. Pertukaran guru sedia ada kelahiran Sarawak ke negeri kelahiran;

3. Pertukaran guru sedia ada di Sarawak yang bukan kelahiran Sarawak ke Semenanjung Malaysia;
4. Pengambilan guru baharu dalam kalangan graduan Fakulti Pendidikan institusi pengajian tinggi awam kelahiran Sarawak; dan
5. Pengambilan guru baharu kelahiran Sarawak secara pasaran terbuka (*open market*).

Pelantikan guru baharu dalam kalangan calon *open market* masih tertakluk kepada syarat skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berkuat kuasa. Sehingga September 2016, jumlah guru kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Sarawak telah mencapai 81 peratus daripada jumlah keseluruhan guru di Sarawak.

RJM30